

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengubah atau memperbaiki proses permohonan mendapatkan pembantu rumah warga asing yang sah bagi membantu golongan ibu untuk terus bekerja dan mencapai 60% penglibatan wanita Malaysia dalam sektor kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini terdapat lapan (8) negara sumber sahaja yang dibenarkan untuk mengajikan pembantu rumah warga asing di Malaysia antaranya adalah Indonesia, Thailand, Kemboja (namun telah dibekukan bermula Januari 2012), Filipina, Sri Lanka, India, Vietnam dan Laos.

Kerajaan telah membenarkan majikan untuk mengemukakan permohonan Pekerja Rumah Asing secara terus dan permohonan berkenaan boleh dilakukan secara dalam talian menerusi Sistem Maid Online oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Selain itu, sistem ini mampu mempercepatkan proses pengambilan pembantu rumah asing kerana majikan tidak lagi perlu ke pejabat imigresen untuk membuat permohonan.

Sistem Maid Online juga akan menjadi sistem yang lebih tepat dan terperinci memandangkan majikan perlu memasukkan sendiri butiran dan perincian peribadi berserta calon pembantu rumah asing yang mahu digajikan berbanding melalui ejen seperti sebelum ini.

SOALAN NO : 487

Bagi membantu pembantu rumah asing yang terkandas di negara asal selepas Kerajaan menutup sempadan susulan penularan wabak COVID-19, dibenarkan untuk kembali ke Malaysia, Kerajaan telah mengambil inisiatif yang membenarkan pembantu rumah asing yang mempunyai visa bekerja yang masih sah dan mempunyai kelulusan JIM membuat permohonan masuk ke negara melalui MyTravelPass.

Pembantu rumah asing yang lulus permohonan juga perlu mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan iaitu menjalani ujian calitan COVID-19 sekurang-kurangnya tiga hari sebelum pulang dan menjalani proses kuarantin wajib sebaik tiba di pintu masuk negara.

Dalam pada itu, Kerajaan turut membenarkan agensi pengambilan pembantu rumah asing memproses permohonan baharu susulan rayuan yang dikemukakan oleh Persatuan Agensi Pembantu Rumah.

Buat masa ini, dengan proses permohonan yang mudah untuk mendapatkan pembantu rumah warga asing yang sah, ia sedikit sebanyak dapat membantu golongan ibu untuk terus bekerja dan mencapai 60% penglibatan wanita Malaysia dalam sektor kerja. Hal ini dapat dilihat apabila gunatenaga wanita juga telah bertambah dengan banyaknya di dalam sektor pembuatan terutamanya dalam sektor tekstil dan elektronik, sektor perkhidmatan seperti perkhidmatan masyarakat, sosial, persendirian serta sektor awam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Lembaga Kaunselor Malaysia untuk memastikan proses pendaftaran kaunselor kekal kompetitif dan penggunaan teknologi sebagai norma baru dalam pengiraan jam/syarat era pasca COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Kaunselor dalam menguatkuasakan peranan di bawah Akta Kaunselor 1998 [*Akta 580*], terus memelihara profesionalisme kaunselor sebagai satu profesi yang ikhtisas untuk memberi bantuan kepada masyarakat. Akta ini bertujuan untuk menguatkuasa undang-undang bagi menentukan seseorang itu layak diiktiraf sebagai seorang kaunselor berdaftar. dan menyelia perkhidmatan kaunseling dan mengawal selia amalan kaunseling serta latihan kaunselor dan menentukan jenis dan tahap kaunseling di Malaysia serta mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan amalan kaunselor dan bagi perkara-perkara berkaitan dengannya seperti mana yang diperuntukkan dalam Akta tersebut. Lembaga Kaunselor merupakan pertubuhan yang ditubuhkan di bawah Akta Kaunselor bagi menguatkuasakan akta ini.

Sehingga **30 November 2021**, Lembaga Kaunselor telah mendaftarkan **9,760** kaunselor berdaftar di bawah akta tersebut. Untuk

memastikan proses pendaftaran kekal kompetitif dalam norma baharu, Lembaga Kaunselor telah mengambil inisiatif untuk memproses permohonan secara dalam talian. Semasa pandemik COVID-19, Sesi Pengesahan Kelayakan Kaunselor Berdaftar telah mula dilaksanakan secara dalam talian melalui aplikasi *Zoom Cloud Meeting*. Sesi dalam talian ini telah bermula pada bulan **Januari 2021**. Sehingga **30 November 2021** sejumlah **495** permohonan berjaya diproses. Ini menunjukkan walaupun dalam keadaan pandemik COVID-19 Sesi Pengesahan Kelayakan Kaunselor Berdaftar dari Januari 2021 sehingga November 2021 secara dalam talian masih dapat dijalankan.

Dalam memastikan latihan kaunselor mencapai satu standard minimum yang ditetapkan, Lembaga Kaunselor telah menyediakan satu Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor yang bertujuan untuk memastikan setiap kaunselor yang mengikuti program kaunseling yang telah diberi akreditasi memiliki dan menguasai tahap minimum pengetahuan dan kemahiran kaunseling seperti yang terdapat di dalam Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor. Penguasaan pengetahuan dan kemahiran tersebut akan membolehkan kaunselor berfungsi mengikut peruntukan Akta Kaunselor 1998 [Akta 580]. Di samping itu, dalam program latihan kaunselor, sikap dan nilai yang sesuai dengan profesi kaunseling perlu dipupuk dan diperkembangkan. Ini penting bagi menyediakan kaunselor profesional yang akan memberikan perkhidmatan profesional yang terbaik kepada masyarakat dan negara.

Dalam menjaga dan memastikan kualiti Pengajaran dan Pembelajaran dilaksanakan dengan sempurna dalam keadaan negara berdepan dengan krisis wabak COVID-19, Lembaga Kaunselor telah mengeluarkan **Nota Khas Bil. 2-2020** yang bertujuan untuk memberi panduan kepada Penyedia Pendidikan Tinggi (PPT). Nota Khas ini terpakai kepada pelaksanaan program peringkat Ijazah Pertama/Sarjana Muda/Bachelor dan Peringkat Sarjana/Master dalam bidang kaunseling serta Peringkat Sarjana/Master kaunseling dengan bidang tumpuan utama.

Sehubungan dengan itu, bagi menyesuaikan proses pengajaran dan pembelajaran sewaktu PKP 3.0 di institusi pengajian tinggi,

Lembaga Kaunselor telah mengeluarkan **fleksibiliti tambahan** terhadap Nota Khas Bil. 2/2020 seperti dalam **Jadual 1**. Fleksibiliti tambahan ini mengambil kira perkara berikut:

- a) Kelestarian kualiti graduan dengan mengambil kira cabaran pembelajaran dan latihan dalam situasi PKP 3.0.
 - b) Keselamatan dan kebijakan kaunselor pelatih dan klien yang merupakan teras dalam perkhidmatan kaunseling.
 - c) Keseimbangan fleksibiliti pembelajaran dan latihan pelajar dengan kualiti hasil pembelajaran bagi memastikan kepentingan dan kebijakan masyarakat yang bakal menerima perkhidmatan kaunseling.

Fleksibiliti tambahan terhadap Nota Khas Bil. 2/2020, **berkuat kuasa pada 28 Jun 2021** boleh diguna pakai di setiap PPT tertakluk kepada SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Sekian, terima kasih.

**FLEKSIBILITI TAMBAHAN TERHADAP NOTA KHAS BIL. 2/2020 BERHUBUNG DENGAN PELAKSANAAN
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SEJAJAR DENGAN PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN 3.0 KRISIS WABAK COVID-19**

Bil.	Perkara	Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor	Nota Khas Bil.2/2020	Fleksibiliti Tambahan
1.	Pelaksanaan Kursus Berbentuk Teori	Semua kursus hendaklah dilaksanakan secara bersemuka.	Fleksibiliti: Kursus yang berbentuk teori diberi kebebasan untuk diadakan secara pembelajaran atas talian sama ada menggunakan kaedah pembelajaran atas talian secara <i>synchronous</i> atau <i>asynchronous</i> .	Tiada fleksibiliti tambahan kepada Nota Khas Bil.2/2020
2.	Pelaksanaan Kursus Berbentuk Amali atau Kemahiran	Semua kursus hendaklah dilaksanakan secara bersemuka.	Fleksibiliti: Kursus berbentuk amali ataupun kemahiran klinikal hendaklah dilaksanakan secara bersemuka (70%) dan diberikan kebebasan secara dalam talian (30%).	Tiada fleksibiliti tambahan kepada Nota Khas Bil.2/2020
3.	Pelaksanaan	Praktikum adalah 252 jam	Fleksibiliti:	Fleksibiliti Tambahan:

Bil.	Perkara	Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor	Nota Khas Bil.2/2020	Fleksibiliti Tambahan
	Praktikum Kaunseling	yang bernilai 3 jam kredit di mana 96 jam daripadanya diperuntukkan untuk perhubungan bersemuka dengan klien (kaunseling individu, kelompok, keluarga atau perkahwinan). Tempoh Praktikum 252 jam hendaklah dilaksanakan secara konvensional iaitu bersemuka sepenuhnya 252 jam.	<p>Lembaga Kaunselor telah memberi ruang pelaksanaan praktikum kaunseling dilaksanakan:</p> <p>Perkara 1. Secara atas talian sebanyak 62% (156 jam daripada 252 jam)</p> <p>Perkara 2. Secara bersemuka sebanyak 38% (96 jam daripada 252 jam)</p>	<p>Pelaksanaan 96 jam sesi bersemuka dalam perkara 2 Nota Khas Bil.2/2020 boleh dilaksanakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. 40% (38 jam) dilaksanakan secara Tele-Kesihatan Mental (<i>Tele-Mental Health</i>) menggunakan <i>Video Conferencing-Based Tele-Mental Health</i> ii. 60% (58 jam) dilaksanakan secara bersemuka.
4.	Pelaksanaan Internship Kaunseling	Internship adalah 504 jam yang bernilai 6 jam kredit di mana 192 jam daripadanya	Fleksibiliti: Lembaga Kaunselor telah memberi ruang pelaksanaan	Fleksibiliti Tambahan: Pelaksanaan 192 jam sesi bersemuka dalam

Bil.	Perkara	Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor	Nota Khas Bil.2/2020	Fleksibiliti Tambahan
		diperuntukkan untuk perhubungan bersemuka dengan klien (kaunseling individu, kelompok, keluarga atau perkahwinan). Tempoh Praktikum 504 jam hendaklah dilaksanakan secara konvensional iaitu bersemuka sepenuhnya 504 jam.	internship kaunseling dilaksanakan: Perkara 1. Secara atas talian sebanyak 62% (312 jam daripada 504 jam) Perkara 2. Secara bersemuka sebanyak 38% (192 jam daripada 504 jam)	perkara 2 Nota Khas Bil.2/2020 boleh dilaksanakan: i. 40% (77 jam) dilaksanakan secara Tele-Kesihatan Mental (<i>Tele-Mental Health</i>) menggunakan <i>Video Conferencing-Based Tele-Mental Health</i> ii. 60% (115 jam) dilaksanakan secara bersemuka.
5.	Seting Praktikum dan Internship	<u>Seting Praktikum</u> Tempat praktikum hendaklah mempunyai kemudahan dan peralatan yang sesuai bagi tujuan memberi latihan klinikal	Fleksibiliti: Lembaga Kaunselor telah memberi fleksibiliti seting praktikum dan internship kaunseling dilaksanakan di	Tiada fleksibiliti tambahan kepada Nota Khas Bil.2/2020

Bil.	Perkara	Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor	Nota Khas Bil.2/2020	Fleksibiliti Tambahan
		<p>serta mempunyai prosedur tetap bagi menjamin kerahsiaan dan melindungi hak-hak klien mengikut undang-undang. Tempat itu juga harus menyediakan peluang seluas-luasnya untuk pelatih membiasakan diri dengan pelbagai aktiviti profesional seperti penyimpanan rekod, penyeliaan, perkhidmatan maklumat dan menghadiri mesyuarat staf.</p> <p><u>Seting Internship</u></p> <p>Internship hendaklah dijalankan di organisasi, institusi atau klinik yang menyediakan khidmat kaunseling profesional seperti pusat perkhidmatan</p>	<p>tempat yang berdekatan dengan kaunselor pelatih. Kaunselor pelatih juga diberikan fleksibiliti untuk menjalankan praktikum dan internship melebihi daripada satu seting.</p>	

Bil.	Perkara	Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor	Nota Khas Bil.2/2020	Fleksibiliti Tambahan
		<p>kaunseling di institusi pengajian tinggi, hospital, sekolah, pusat komuniti, pusat pemulihan, penjara, jabatan kebajikan masyarakat, pusat diagnostik, jabatan sumber manusia, jabatan agama, badan korporat dan institusi/organisasi lain. Tempat itu juga harus dapat menyediakan peluang seluas-luasnya untuk pelatih membiasakan diri dengan pelbagai aktiviti profesional berkaitan dengan tugas sebagai kaunselor.</p>		
6.	Penyeliaan Praktikum dan Internship Kaunseling	<u>Penyeliaan Praktikum</u> Penyelia Praktikum ialah seseorang yang telah dilantik oleh institusi sebagai penyelia yang sekurang-kurangnya mempunyai Ijazah Sarjana	Fleksibiliti: Lembaga Kaunselor telah memberikan fleksibiliti untuk melantik mana-mana kaunselor berdaftar mengikut lokaliti untuk membantu melaksanakan	Tiada fleksibiliti tambahan kepada Nota Khas Bil.2/2020

Bil.	Perkara	Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor	Nota Khas Bil.2/2020	Fleksibiliti Tambahan
		<p>dalam bidang kaunseling. Penyelia tersebut hendaklah kaunselor berdaftar dan mempunyai Sijil Perakuan Amalan. Penyelia boleh dibantu oleh kaunselor berdaftar yang mempunyai Sijil Perakuan Amalan dan berkelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kaunseling.</p> <p><u>Penyeliaan Internship</u></p> <p>Penyelia internship terbahagi kepada dua kategori:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Penyelia Akademik ii. Penyelia Lapangan <p>Penyelia akademik hendaklah seorang yang telah dilantik</p>	<p>penyeliaan kaunseling kepada pelajar yang menjalankan latihan praktikum dan internship. Ini bagi membantu mengelakkan penyelia akademik universiti yang sukar untuk hadir secara fizikal ke tempat latihan akibat PKP. Sebagai tambahan daripada penyeliaan yang dilaksanakan oleh kaunselor berdaftar yang dilantik, penyelia akademik dibenarkan menjalankan penyeliaan secara maya. Tempoh dan kekerapan yang bersesuaian mengikut keperluan bagi memastikan kualiti yang sepatutnya dicapai.</p>	

Bil.	Perkara	Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor	Nota Khas Bil.2/2020	Fleksibiliti Tambahan
		<p>oleh institusi sebagai penyelia dan sekurang-kurangnya mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang kaunseling. Penyelia tersebut hendaklah kaunselor berdaftar yang mempunyai Sijil Perakuan Amalan.</p> <p>Penyelia lapangan pula hendaklah seorang yang telah dilantik bersama oleh institusi dan organisasi di mana pelajar tersebut menjalankan internship. Penyelia lapangan juga hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kaunseling. Penyelia tersebut hendaklah kaunselor berdaftar yang mempunyai Sijil Perakuan Amalan.</p>		

SOALAN NO : 488

JADUAL 1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semua butiran lawatan ke luar negara yang telah dijalankan oleh Menteri, Timbalan Menteri dan Ahli Parlimen jawatan bertaraf Menteri sejak Mac 2020 sehingga sekarang termasuk tujuan lawatan, jumlah kos, tempoh lawatan dan jika pasangan turut hadir.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Walaupun negara berdepan dengan penularan pandemik COVID-19 yang memberi impak negatif, Kerajaan tetap terus berusaha memperkuatkan dasar-dasar ekonomi negara melalui pelaksanaan dasar-dasar yang terbuka, telus, serta mesra-perniagaan, atau dengan izin, *business-friendly*. Langkah-langkah ini juga termasuk lawatan kerja ke luar negara bagi mendapatkan pelaburan asing dan meningkatkan imej negara serta membantu mempercepatkan usaha-usaha pemulihhan ekonomi berikutan wabak COVID-19.

2. Secara keseluruhannya terdapat sebanyak 33 lawatan kerja ke luar negara yang turut melibatkan anggota pentadbiran di Kementerian/Agensi Kerajaan yang telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri. Lawatan berkenaan melibatkan Kementerian/Agensi Kerajaan seperti berikut:
 - i) Jabatan Perdana Menteri – 1 lawatan;
 - ii) Kementerian Alam Sekitar dan Air – 2 lawatan;
 - iii) Kementerian Pembangunan Luar Bandar – 1 lawatan;
 - iv) Kementerian Pengangkutan – 1 lawatan;
 - v) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri – 4 lawatan;
 - vi) Kementerian Kewangan – 1 lawatan;
 - vii) Kementerian Sumber Manusia – 1 lawatan;
 - viii) Kementerian Belia dan Sukan – 1 lawatan;
 - ix) Kementerian Kesihatan – 1 lawatan;

NO. SOALAN: 489

- x) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi – 3 lawatan; dan
 - xi) Kementerian Luar Negeri – 17 lawatan.
3. Dalam tempoh Mac 2020 sehingga November 2021 sebanyak **RM13,475,520.39** telah dibelanjakan bagi membiayai kos lawatan yang melibatkan Anggota Pentadbiran dan pegawai Kerajaan yang mengiringi dalam setiap lawatan berkenaan. Semua lawatan adalah mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang berkuatkuasa serta *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan kerajaan dan negara yang dilawati.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memberi butiran kos penukaran kereta rasmi bgi semua Menteri dan Timbalan Menteri sejak Februari dan Mac 2020 sehingga hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan Toyota Vellfire 2.5L dan Toyota Camry 2.5V untuk menggantikan Proton Perdana 2.4L (*Premium*) dan Proton Perdana 2.4L *Executive* bagi kegunaan Menteri dan Timbalan Menteri Kerajaan Persekutuan. Kos sewaan bulanan yang ditanggung oleh Kerajaan bagi menggantikan Kenderaan Rasmi Jawatan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kos sewaan bulanan Toyota Vellfire 2.5L sebanyak RM4,851.61.
- ii. Kos sewaan bulanan Toyota Camry 2.5V adalah sebanyak RM2,911.00.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU (LIBARAN)**

SOALAN

**DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU (LIBARAN) minta
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan
bagaimanakah Kementerian dapat memperkasakan RMKe-12 dalam
menangani kemelut pemilikan rumah golongan B40 dan golongan
miskin tegar.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertanggungjawab menyediakan perumahan yang berkualiti, kondusif serta berdaya huni dan mampu milik untuk rakyat.

Selaras dengan strategi RMKe-12 yang baharu sahaja diumumkan iaitu meningkatkan bekalan Rumah Mampu Milik (RMM) kepada kumpulan sasar (Strategi C1) di bawah Bab 4: Meningkatkan Pertahanan, Keselamatan, Kesejahteraan dan Perpaduan, KPKT akan memastikan pelaksanaan projek-projek RMM di seluruh negara bagi golongan B40 dan M40 terus diberi perhatian. Dalam hubungan ini, KPKT telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Pemandu untuk menyelaras perancangan bekalan RMM dan data RMM bagi menjayakan pembinaan 500,000 unit RMM di seluruh negara.

Di samping itu, KPKT bercadang untuk mewujudkan Panel Pemikir (Panel of Experts, POE) bagi membantu dan memberi nasihat kepada Kementerian dalam pelbagai isu perumahan khususnya melibatkan kluster sosial, ekonomi dan geopolitik. Selain itu, POE juga dapat membantu merangka strategi pendekatan aksesibiliti perumahan ideal yang konklusif, praktikal dan mampan. Buat permulaan, POE ini akan membincangkan mengenai kaedah pembiayaan perumahan terutamanya bagi golongan B40 dan M40.

Kerajaan komited untuk meneruskan penyediaan perumahan khususnya bagi golongan B40 dengan pelaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR) secara berterusan. Program ini merupakan subsidi terbesar bagi pemilikan rumah awam kepada kumpulan B40. Terdapat dua (2) jenis PPR yang disediakan oleh Kerajaan iaitu PPR Dimiliki dan PPR Disewa. PPR Dimiliki merujuk kepada unit PPR yang dijual kepada pemohon yang berkelayakan manakala PPR Disewa ditawarkan kepada rakyat yang masih belum berkemampuan untuk memiliki kediaman sendiri.

Sejak diperkenalkan pada tahun 1982 sehingga sekarang, terdapat 154 projek PPR Dimiliki dan PPR Disewa yang telah siap dibina melibatkan 97,196 unit rumah kepada golongan sasar. Kumpulan ini boleh memiliki rumah PPR dengan harga RM35,000.00 di Semenanjung Malaysia manakala RM42,000.00 di Sabah dan Sarawak. PPR Disewa pula menawarkan kadar sewa serendah RM124.00 sebulan. Kerajaan juga telah memperkenalkan Program PPR Sewa untuk Milik (*Rent to Own*).

Pada masa yang sama, Kerajaan komited untuk meneruskan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang juga terbukti memberi manfaat perumahan khusus kepada golongan B40 yang mempunyai tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga yang diberi kebenaran. Setakat ini, sebanyak 47,714 unit RMR telah siap dibina.

Bagi golongan B40 yang terjejas pendapatan, dibuang kerja dan diusir dari rumah sewa, YAB Perdana Menteri pada 24 September 2021 telah melancarkan Inisiatif Kediaman Keluarga Malaysia (Rumah IKRAM Keluarga Malaysia). Sehingga kini, sebanyak 2,000 unit rumah sedia ada ditawarkan untuk Rumah IKRAM Keluarga Malaysia di beberapa lokasi PPR di seluruh negara. Penerima manfaat ini seterusnya akan menerima pengecualian bayaran sewaan untuk 6 bulan yang pertama. Seramai 202 orang penerima manfaat Rumah IKRAM Keluarga Malaysia ini telah menerima surat tawaran, manakala selebihnya akan dibuat pengisian secara berperingkat tertakluk kepada permohonan yang diterima.

Sekian, terima kasih.